

## Persepsi Pelajar terhadap Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dalam Pembentukan Sahsiah Muslim (Students' Perception Towards the Islamic Education Curriculum at Polytechnics in the Formation of the Muslim Character)

LUKMAN HAKIMI AHMAD\*

### ABSTRAK

*Pendidikan Islam bertujuan untuk membentuk manusia yang kompeten sama ada dari segi rohani mahupun jasmani bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk melihat sejauh manakah kurikulum Pendidikan Islam di politeknik dapat membentuk sahsiah muslim dalam kalangan pelajar mereka mengikut persepsi para pelajar. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Responden kajian ini adalah terdiri daripada pelajar politeknik di Pantai Timur semenanjung, iaitu seramai 412 orang. Data dianalisis dengan mengambil kira kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kurikulum Pendidikan Islam di Politeknik berkesan dalam membentuk sahsiah muslim pelajar mereka dengan nilai minnya ialah 4.51, iaitu berada pada tahap yang sangat baik. Para pelajar di politeknik juga berpendapat sedemikian, iaitu bab-bab yang terkandung dalam Kurikulum Pendidikan Islam adalah sesuai untuk membentuk sahsiah muslim ke dalam diri mereka. Hal ini dibuktikan dengan nilai minnya ialah 4.41, iaitu berada pada tahap yang sangat baik juga. Kesimpulannya, Kurikulum Pendidikan Islam di politeknik adalah berkesan dalam membentuk sahsiah muslim pelajar mereka.*

*Kata kunci: Persepsi pelajar; kurikulum Pendidikan Islam; politeknik; pembentukan sahsiah muslim*

### ABSTRACT

*Islamic Education aims to develop competent human either spiritually or physically to achieve happiness in this world and the hereafter. The aim of this study was to determine the extent of Islamic Education curriculum in building the character of muslim students in polytechnic according to students' perception. This is a quantitative study using questionnaires as the instrument. The respondents consisted of 412 east coast polytechnics students. The data obtained were analyzed with regard to the frequency, percentage, mean and standard deviation. The results showed that the curriculum of Islamic Education in the polytechnic was effective in shaping the character of muslim students with a mean value of 4.51 which is at a very good level. Polytechnic students also view that the sections contained in Islamis education curriculum is suitable to build the muslim character in their own self. This is proved with the mean value 4.41 which is at a very good level. To conclude, Islamic education curriculum at polytechnics is effective in developing the students, muslim character.*

*Keywords: Students' perception; Islamic education curriculum; polytechnics; formation of the muslim character*

### PENGENALAN

Sejarah membuktikan bahawa sendi asas peradaban Islam adalah pendidikan yang komprehensif yang bersumberkan daripada al-Quran. Islam memandang ilmu ke taraf ibadat yang amat mulia. Segala segi pendidikan dipandang serius oleh Islam, khasnya pendidikan rohani dan akhlak keperibadian. Pendidikan yang baik dan tulen ialah pendidikan yang berteraskan kepada konsep tauhid, kerana dengan tauhidlah peribadi insan yang luhur dapat dibentuk di mana terdapatnya paduan yang harmonis antara ilmu, budi, jiwa dan amal soleh (Haron & Sobri 1988). Oleh itu, dunia masa kini seharusnya menjadikan Pendidikan Islam sebagai perkara pokok yang mendasari kemajuan sains dan teknologi.

Dewasa ini, terdapat banyak gejala sosial yang berlaku di negara kita seperti bergaduh, dadah, penzinaan, buang anak dan pelbagai lagi. Siddiq Fadhil (1995) berpendapat bahawa kewujudan gejala masalah sahsiah dan krisis akhlak ini adalah merupakan manifestasi daripada krisis besar tamadun masa kini, iaitu Tamadun Barat. Tamadun ini bersifat sekular dan materialistik dan sesungguhnya ia telah membawa akibat kepada kemusnahan ciri-ciri kemanusiaan. Zulkifli (2004) dan Sharifah Raudzah (2007) pula berpendapat bahawa pengaruh persekitaran amat memberi kesan kepada sikap dan watak pelajar seperti persekitaran di sekolah, rumah dan rakan sebaya. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Ab Halim & Zarin (2005) pula menunjukkan bahawa media massa yang berbentuk hiburan dan seram juga mempengaruhi sahsiah muslim para pelajar.

Kurikulum Pendidikan Islam yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara kita adalah untuk membentuk jati diri seorang muslim selaras dengan syariat Islam. Ia merupakan subjek yang wajib diambil oleh setiap pelajar muslim, tidak kira mereka berada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah atau di institut pengajian tinggi. Kurikulum Pendidikan Islam ini merangkumi pelbagai bidang seperti bidang akidah, syariat, akhlak, ibadat dan juga sirah. Tajuk-tajuk ini sebenarnya mampu untuk membentuk sahsiah muslim pelajar jika mereka menghayatinya (Azhar 2006; Ubaidillah 2002; Mohd Maliki 1999).

Di politeknik, subjek Pendidikan Islam terbahagi kepada dua, iaitu Pendidikan Islam Satu dan Pendidikan Islam Dua. Subjek Pendidikan Islam Satu memberi pengetahuan tentang kaedah pembacaan al-Quran, konsep ilmu, dan tasawwur Islam yang meliputi akidah, syariat dan akhlak. Penekanan kursus ini adalah terhadap penghayatan akidah Islam serta perlaksanaan ibadah-ibadah dalam kehidupan seharian. Kursus ini juga dapat memberi panduan dalam membentuk sikap bertanggungjawab terhadap Allah SWT, manusia dan alam. Manakala itu, subjek Pendidikan Islam Dua pula memberi pengetahuan khusus tentang konsep-konsep kekeluargaan Islam, sumber-sumber hukum, pengurusan jenazah dan hukum jenayah dalam Islam. Kandungannya lebih memfokuskan kepada cara-cara menangani permasalahan kekeluargaan serta membentuk sikap positif dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Dapatlah disimpulkan bahawa kurikulum Pendidikan Islam di politeknik ini adalah amat penting untuk membentuk sahsiah muslim dalam kalangan pelajar mereka. Ia juga memainkan peranan yang besar dalam mendidik para pelajar supaya sentiasa berpegang teguh dengan nilai-nilai Islam agar pelajar yang kompeten dan holistik dapat dilahirkan.

#### PENDIDIKAN ISLAM MEMBENTUK SAHSIAH MUSLIM

Islam telah meletakkan elemen pendidikan pada kedudukan yang paling tinggi. Kepentingan pendidikan ini ditekankan dalam ayat al-Quran yang pertama diturunkan, iaitu surah al-‘Alaq, ayat 1-5 (Sofiy 2010). Bagi menyahut seruan ini, subjek Pendidikan Islam telah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan negara dan menjadi subjek wajib bagi semua pelajar muslim.

Miqdad Yalchin (1977) mendefinisikan Pendidikan Islam sebagai proses menerapkan Falsafah Pendidikan Islam dan merealisasikan hasilnya dalam bidang pembinaan, pembentukan dan kemasyarakatan seseorang selaras dengan keperibadian yang digariskan oleh Falsafah Islam, supaya sahsiah Islam dapat dibentuk dalam setiap perilaku, tindak tanduk dan sikap seseorang muslim di mana sahaja mereka berada. Selain itu, matlamat Pendidikan Islam adalah untuk melahirkan insan yang soleh, beriman dan bertakwa, berilmu dan berakhlak mulia serta berketerampilan,

bertanggungjawab dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara (Muhammad 1985; Wan 1994; Mustafa 1926; Saleh & Abdul Aziz 1968; Baqir 2009). Dapatlah disimpulkan bahawa fungsi Pendidikan Islam adalah untuk membentuk sahsiah muslim ke dalam diri seseorang individu.

Wawasan 2020 adalah merupakan hala tuju negara untuk menjadi sebuah negara maju. Bagi mencapai tujuan ini, bukan sahaja pembangunan material yang perlu diutamakan, malahan pembangunan rohani atau sahsiah juga perlu. Muhammad Salih (1980) berpendapat bahawa salah satu faktor untuk membangunkan sahsiah adalah melalui Pendidikan Islam kerana ia dapat melahirkan warganegara yang baik, amanah, bertanggungjawab, jujur dan mempunyai prinsip-prinsip moral yang tinggi.

Ahmad Umar (1997) pula menyatakan bahawa pembentukan sahsiah yang mulia amat ditekankan oleh Islam kerana sahsiah yang mantap pasti dapat melahirkan kebenaran terhadap segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Kriteria sahsiah yang sedemikian adalah sukar dipengaruhi oleh anasir-anasir luar yang negatif seperti adat dan kepercayaan sesebuah masyarakat yang bercanggah dengan kehendak syarak. Menurut Ahmad Umar lagi, sahsiah dalam Islam bermaksud peribadi seseorang yang mempunyai nilai kekuatan. Nilai-nilai tersebut berpaksikan kepada dua elemen, iaitu kekuatan iman dan kekuatan fizikal. Sahsiyah yang memiliki iman yang mantap sentiasa mendorong seseorang untuk berada dalam kebaikan. Kekuatan fizikal pula sentiasa mengajak diri berjihad menentang segala kesesatan dan kebatilan dan tidak takut kepada sebarang celaan dan ugutan dalam menegakkan kebenaran. Selain itu, sahsiah Islam juga bermaksud menjaga kehormatan harta, maruah dan kemuliaannya.

Oleh itu, bagi mencapai tahap sebenar sahsiah muslim, ia mestilah dibentuk dengan berteraskan kepada akidah, syariat dan juga akhlak (Abdullah 1981; Jabir 1996; Yusuf 1983). Akidah yang benar akan melahirkan warganegara yang amanah dan bertanggungjawab. Manakala syariat pula akan dapat membentuk manusia yang tunduk serta patuh dengan hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Sementara itu, Pendidikan Akhlak pula adalah merupakan agen yang mampu merubah kehidupan individu, masyarakat dan negara. Atas sebab itu, subjek Pendidikan Islam mestilah mengandungi bidang-bidang tersebut supaya pelajar yang ingin dibentuk nanti akan menepati ciri-ciri sahsiah yang dikehendaki oleh Islam.

Bagi memantapkan lagi sahsiah pelajar, Pengajian Sirah juga boleh dijadikan sebagai bab yang perlu ada dalam subjek Pendidikan Islam. Sebagaimana yang telah kita ketahui, Nabi Muhammad SAW adalah merupakan contoh teladan yang baik kepada umat Islam dalam aspek sahsiah. Hal ini adalah kerana tindak tanduk Baginda adalah terpelihara daripada kelemahan manusia biasa (Abdul 1987). Sesungguhnya, perilaku Baginda adalah amat baik dari segenap sudut, sama ada dari segi percakapan, pergaulan, perbuatan dan pelbagai lagi.

Islam mewajibkan umatnya bersahsiah dengan sahsiah yang mulia. Mereka yang mempunyai sahsiah yang mulia, bukan sahaja dapat memberi faedah kepada dirinya, bahkan kepada masyarakat sekeliling juga. Sesebuah negara akan menjadi maju jika rakyatnya mempunyai sahsiah yang mulia, dan akan runtuh nilainya jika sahsiah rakyatnya buruk. Oleh itu, membentuk sahsiah muslim di dalam diri manusia amat penting dan ia seharusnya menjadi agenda utama bagi setiap negara.

#### OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji Kurikulum Pendidikan Islam dalam membentuk pelajar yang bersahsiah muslim.
2. Mengenal pasti tahap penghayatan pelajar terhadap sahsiah muslim setelah mengikuti Kurikulum Pendidikan Islam di politeknik.
3. Mengkaji persepsi pelajar terhadap Kurikulum Pendidikan Islam dalam membentuk pelajar yang bersahsiah muslim.

#### METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik berbentuk tertutup berskala Likert. Mengandungi lima skala iaitu 5, sangat setuju, 4, setuju, 3, tidak pasti, 2, tidak setuju dan 1, sangat tidak setuju. Borang soal selidik ini diedar kepada para pelajar politeknik Pantai Timur semenanjung. Politeknik-politeknik tersebut terdiri dari Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) Kuantan, Politeknik Kota Bharu (PKB), Kelantan, Politeknik Kota Kuala Terengganu (PKKT), Terengganu, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Dungun, Politeknik Muadzam Shah (PMS), dan Politeknik Jeli Kelantan (PJK). Soalan-soalan bagi borang soal selidik ini adalah berdasarkan kepada objektif kajian.

#### SAMPEL KAJIAN

Sementara itu, kaedah persampelan berkelompok telah digunakan untuk memilih sampel kajian. Mereka dipilih mengikut bidang pengkhususan masing-masing dan berada di semester ketiga. Kumpulan pelajar ini dipilih kerana mereka telah didedahkan dengan Kursus Pendidikan Islam Satu, AA 101 pada semester pertama dan Kursus Pendidikan Islam Dua, AA 201 pada semester kedua (sukatan pelajaran lengkap). Jumlah responden kajian ini adalah seramai 412 orang iaitu dianggarkan 30% daripada jumlah keseluruhan pelajar di politeknik Pantai Timur Semenanjung.

#### KAEDAH ANALISIS DATA

Data-data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan Program Pengisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 16.0. Data dianalisis dengan mengambil kira kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Sementara itu, nilai interpretasi min adalah seperti berikut:

JADUAL 1. Interpretasi nilai min

Nilai Min	Interpretasi min
1.00 – 1.80	Sangat lemah
1.81 – 2.60	Lemah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Baik
4.21 – 5.00	Sangat baik

Sumber: Jainabee & Jamil (2009)

#### DAPATAN KAJIAN

Dapatan demografi kajian menunjukkan bahawa seramai 106 orang pelajar (25.7%) dari Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, 103 orang pelajar (25.0%) dari Politeknik Kota Bharu, 77 orang pelajar (18.7%) dari Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, 70 orang pelajar (17.0%) dari Politeknik Muadzam Shah, 49 orang pelajar (11.9%) dari Politeknik Kuala Terengganu dan akhir sekali, 7 orang pelajar (1.7%) dari Politeknik Jeli, Kelantan. Manakala itu, pecahan responden mengikut jantina adalah seramai 230 orang pelajar (55.8%) ialah pelajar perempuan dan 181 orang pelajar (44.2%) ialah pelajar lelaki.

#### KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM DALAM MEMBENTUK SAHSIAH PELAJAR

Kurikulum Pendidikan Islam di politeknik didapati berkaitan dalam membentuk sahsiah para pelajar mereka. Sebanyak 96.3% responden bersetuju bahawa Kurikulum Pendidikan Islam ini berkesan terhadap pembentukan sahsiah mereka. Mereka juga percaya bahawa sukatan pelajaran Pendidikan Islam berkaitan dalam meningkatkan sahsiah muslim mereka dengan mencatat peratusan yang tinggi, iaitu 96.9%. Kesimpulan ini disokong oleh nilai min keseluruhan ialah 4.51 yang mana ia berada pada tahap yang sangat baik. Dapatlah disimpulkan bahawa bab-bab yang terkandung di dalam Kurikulum Pendidikan Islam yang telah digubal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik adalah bertepatan dan memenuhi selera para pelajar. Bab-babnya juga amat luas kerana ia meliputi bab akidah, akhlak, ibadat dan syariat.

JADUAL 2. Kurikulum pendidikan Islam berkaitan dalam membentuk sahsiah pelajar

No.	Penyataan	STS	TS	TP	S	SS	MIN	SP
1.	Kurikulum Pendidikan Islam yang dipelajari di Politeknik, berkaitan dalam membentuk sahsiah muslim anda.	0.7% (3)	1.0% (4)	2.0% (8)	55.0% (225)	41.3% (169)	4.35	0.64
2.	Komponen tajuk-tajuk yang terdapat di dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam didapati berkaitan dalam meningkatkan sahsiah muslim pelajar.	0.7% (3)	0.7% (3)	1.7% (7)	57.7% (237)	39.2% (161)	4.33	0.62
3.	Menghafaz ayat-ayat al-Quran menjadikan saya lebih dekat kepada Allah SWT.	0.2% (1)	0.5% (2)	1.5% (6)	27.7% (114)	70.1% (289)	4.66	0.56
4.	Mempelajari konsep ilmu di dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, berkaitan dalam menjadikan saya seorang pelajar yang rajin dan sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat.	1.0% (4)	1.0% (4)	3.6% (15)	54.3% (223)	41.1% (169)	4.35	0.60
5.	Mempelajari tajuk Islam sebagai ad-din (cara hidup) berkaitan dalam membentuk pelajar yang sentiasa berpegang dengan nilai-nilai agama.	0.2% (1)	0.2% (1)	1.9% (8)	47.4% (195)	50.1% (206)	4.47	0.57
6.	Mempelajari konsep akidah berkaitan dalam membentuk pelajar yang teguh dan kuat imannya.	0.5% (2)	0.0% (0)	2.4% (10)	43.7% (180)	53.4% (220)	4.50	0.57
7.	Mempelajari konsep Syahadatain (Dua Kalimah Syahadat) berkaitan dalam membentuk pelajar yang mutadayyin (beragama).	0.5% (2)	0.0% (0)	2.2% (9)	36.5% (150)	60.8% (250)	4.58	0.50
8.	Mempelajari konsep jahiliyyah, berkaitan dalam membantu pelajar menjauhi perkara-perkara yang bertentangan dengan agama.	0.7% (3)	0.5% (2)	1.7% (7)	37.9% (155)	59.2% (242)	4.54	0.63
9.	Mempelajari konsep Akhlak menurut Islam berkaitan dalam membentuk pelajar yang sentiasa beramal dengan akhlak mahmudah (terpuji).	0.5% (2)	0.5% (2)	2.0% (8)	42.5% (174)	54.5% (223)	4.50	0.61
10.	Mempelajari konsep manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT berkaitan dalam membentuk pelajar yang bertanggungjawab terhadap penciptanya.	0.2% (1)	0.2% (1)	1.5% (6)	36.5% (150)	61.6% (253)	4.59	0.56
11.	Mempelajari konsep ibadat berkaitan dalam membentuk pelajar yang mempunyai jati diri muslim dan sentiasa tunduk kepada perintah Allah SWT.	0.2% (1)	0.2% (1)	0.7% (3)	32.5% (134)	66.3% (273)	4.64	0.54
12.	Mempelajari konsep taharah (bersuci) berkaitan dalam membentuk pelajar yang mementingkan kebersihan dalam semua aspek kehidupan.	0.2% (1)	0.2% (1)	1.9% (8)	40.8% (168)	56.6% (233)	4.52	0.58
13.	Mempelajari konsep ibadat solat berkaitan dalam membentuk pelajar yang lebih berdisiplin dalam melakukan solat secara berjemaah dan tidak meninggalkan solat.	0.2% (1)	0.5% (2)	1.5% (6)	34.0% (140)	63.8% (263)	4.60	0.57
14.	Mempelajari konsep ibadat puasa, berkaitan dalam membentuk pelajar yang penyabar dan sentiasa bersyukur dengan apa yang ada.	0.7% (3)	0.0% (0)	0.7% (3)	36.3% (149)	62.0% (254)	4.60	0.57
15.	Mempelajari konsep ibadat zakat, berkaitan dalam membentuk pelajar yang sanggup berkorban harta benda untuk meringankan kesusahan orang lain.	0.5% (2)	1.0% (4)	1.5% (6)	44.4% (183)	52.7% (217)	4.47	0.63
16.	Mempelajari konsep ibadat haji, berkaitan dalam membentuk pelajar yang mempunyai semangat juang yang tinggi dalam melaksanakan suruhan Allah SWT.	0.5% (2)	0.0% (0)	2.2% (9)	42.6% (175)	54.7% (225)	4.51	0.57
17.	Mempelajari konsep tanggungjawab suami isteri, berkaitan dalam membentuk pelajar yang bertolak ansur dan hormat-menghormati dalam kehidupan rumah tangga.	0.7% (3)	0.0% (0)	2.4% (10)	35.2% (145)	61.7% (254)	4.58	0.58
18.	Mempelajari konsep wasiat, berkaitan dalam membentuk pelajar yang mengenang budi kepada jasa ibu bapa dan adik beradik.	0.5% (2)	1.0% (4)	2.4% (10)	37.4% (154)	58.7% (242)	4.52	0.64
19.	Mempelajari konsep hukum Islam, berkaitan dalam melahirkan pelajar yang berdisiplin dan tegas dalam mempertahankan keputusan berdasarkan hukum.	0.7% (3)	1.0% (4)	1.7% (7)	39.9% (164)	56.7% (233)	4.50	0.65
20.	Mempelajari konsep hukum jenayah Islam, berkaitan dalam melahirkan pelajar yang berfikiran jauh sebelum membuat sesuatu tindakan.	0.7% (3)	1.0% (4)	1.9% (8)	40.0% (165)	56.3% (232)	4.50	0.66
JUMLAH							4.51	0.38

## PENGHAYATAN PELAJAR TERHADAP SAHSIAH MUSLIM

Para pelajar politeknik di Pantai Timur Semenanjung menghayati sahsiah muslim dalam kehidupan mereka. Didapati 82.2% responden beramal dengan sifat sabar, 93.1% bersikap jujur, 89.8% tidak mudah marah, 84.2% sentiasa menepati janji, 93.5% bersikap lemah lembut, 90.8% bersifat rendah diri, 82.5% menjaga tutur kata, 94.4% tidak mudah berputus asa, 95.4% menjaga adab dan pergaulan, 97% mengamalkan kebersihan diri, 95.9%

tidak bersifat sombong, 84.1% tidak melakukan perkara yang melanggar peraturan disiplin politeknik dan pelbagai sifat terpuji yang lain. Penghayatan pelajar dalam sahsiah muslim ini disokong dengan nilai min keseluruhannya, iaitu 4.27 yang mana ia berada pada tahap yang sangat baik. Sesungguhnya inilah hasrat dan objektif utama kurikulum Pendidikan Islam iaitu untuk membentuk pelajar yang bersahsiah muslim, berdaya saing, tidak mudah berputus asa, sentiasa berusaha dalam kehidupan dan lain-lain lagi.

JADUAL 3. Penghayatan pelajar terhadap sahsiah muslim

No.	Penyataan	STS	TS	TP	S	SS	MIN	SP
1.	Saya beramal dengan sifat sabar dalam menjalankan tugas yang diberikan oleh para pensyarah.	0.2% (1)	2.2% (9)	5.3% (22)	60.2% (248)	32.0% (132)	4.21	0.66
2.	Bersikap jujur menjadi amalan saya dalam pergaulan.	0.2% (1)	1.2% (5)	5.4% (22)	59.0% (242)	34.1% (140)	4.25	0.63
3.	Saya tidak mudah marah apabila saya ditegur oleh pensyarah.	0.5% (2)	3.2% (13)	6.6% (27)	53.1% (217)	36.7% (150)	4.22	0.74
4.	Saya sentiasa bekerjasama dengan kawan-kawan dalam menyiapkan kerja kursus yang diberikan oleh pensyarah.	0.7% (3)	1.5% (6)	4.6% (19)	51.7% (213)	41.5% (171)	4.31	0.69
5.	Saya sentiasa menepati janji.	0.2% (1)	4.4% (18)	12.9% (53)	57.8% (237)	24.6% (101)	4.02	0.75
6.	Saya mempunyai sifat malu terhadap diri sendiri sekiranya apa yang saya lakukan menyalahi dengan perintah Allah SWT.	0.5% (2)	1.2% (5)	3.4% (14)	47.8% (197)	47.1% (194)	4.39	0.66
7.	Bersikap lemah lembut adalah amalan saya dengan pensyarah dan rakan-rakan.	3.6% (15)	0.0% (0)	2.9% (12)	54.3% (223)	39.2% (161)	4.28	0.69
8.	Saya sentiasa bersifat rendah diri terhadap rakan sebaya.	0.2% (1)	3.6% (15)	5.3% (22)	52.9% (218)	37.9% (156)	4.24	0.73
9.	Saya sangat bersimpati kepada rakan sekiranya mereka berdepan dengan masalah.	1.0% (4)	0.0% (0)	1.7% (7)	42.2% (174)	55.1% (227)	4.51	0.58
10.	Saya sentiasa patuh kepada arahan pensyarah.	0.5% (2)	2.9% (12)	3.4% (14)	53.7% (220)	39.5% (162)	4.28	0.71
11.	Saya sentiasa menjaga bahasa dan tutur kata di Politeknik.	0.7% (3)	7.0% (29)	9.7% (40)	50.2% (207)	32.3% (133)	4.06	0.87
12.	Saya suka kepada bersifat adil (tidak bohong) dalam berbicara dengan para pensyarah dan rakan.	0.2% (1)	2.9% (12)	4.9% (20)	51.9% (214)	40.0% (165)	4.28	0.71
13.	Saya bergaul dengan baik terhadap rakan sebaya.	0.2% (1)	1.0% (4)	3.9% (16)	49.3% (202)	45.6% (187)	4.40	0.63
14.	Tidak mudah berputus asa dalam mengejar cita-cita adalah sifat yang baik. Saya amalkannya dalam kehidupan saya.	2.9% (12)	0.0% (0)	2.7% (11)	49.0% (201)	45.4% (186)	4.36	0.68
15.	Saya sentiasa menjaga adab dan batas pergaulan saya di Politeknik.	0.2% (1)	1.7% (7)	2.7% (11)	51.4% (209)	44.0% (179)	4.37	0.64
16.	Saya mengamalkan kebersihan diri di dalam kehidupan saya di Politeknik.	1.0% (4)	0.0% (0)	2.0% (8)	43.6% (178)	53.4% (218)	4.49	0.59
17.	Saya tidak bersikap sombong sekiranya saya menerima satu-satu anugerah.	0.7% (3)	1.0% (4)	2.5% (10)	44.4% (181)	51.5% (210)	4.44	0.66
18.	Saya tidak melakukan perkara-perkara yang melanggar disiplin Politeknik.	1.2% (5)	6.6% (27)	8.1% (33)	45.7% (187)	38.4% (157)	4.13	0.90
19.	Saya tidak pernah bergaduh	2.5% (10)	10.3% (42)	9.3% (38)	42.4% (173)	35.5% (145)	3.98	1.04
20.	Saya tidak pernah menonton hiburan yang bertentangan dengan agama Islam seperti yang berunsurkan adegan lucah.	3.7% (15)	8.6% (35)	12.7% (52)	44.7% (183)	30.3% (124)	3.89	1.05
21.	Saya menyedari perwatakan mulia adalah sifat orang beriman	0.2% (1)	0.5% (2)	1.0% (4)	34.0% (139)	64.3% (263)	4.61	0.56
JUMLAH							4.27	0.44

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KURIKULUM PENDIDIKAN  
ISLAM DALAM MEMBENTUK PELAJAR YANG  
BERSAHSAH MUSLIM

Kurikulum Pendidikan Islam di Politeknik adalah berkesan dalam membentuk sahsiah muslim pelajar mereka. Para responden berpendapat bahawa kurikulum ini berkesan dalam membentuk pelajar yang saling menghormati, (97.9%), mematuhi peraturan politeknik, (95.5%), menggunakan bahasa yang sopan, (96.3%), mengerjakan solat tepat waktu, (91.4%), sentiasa melakukan zikir dan doa, (90.5%), menutup aurat, (90.7%), berfikiran positif

dan aktif dalam kelas, (95.3%), tidak mudah terpengaruh dengan budaya barat, (92.9%), mengamalkan nilai-nilai murni, (94.9%), berpendirian tetap, (95.5%), mempunyai semangat juang yang tinggi, (95.3%), dan berpegang teguh dengan rukun Islam, rukun Iman dan konsep Ihsan, (95.9%). Sementara itu, nilai minnya juga mencatat keputusan yang sama, iaitu 4.41 yang mana ia berada pada tahap sangat baik. Dapatan kajian ini membuktikan para pelajar bersetuju bahawa kurikulum Pendidikan adalah Islam berkesan dalam membentuk sahsiah muslim mereka.

JADUAL 4. Persepsi pelajar terhadap kurikulum pendidikan Islam dalam membentuk pelajar yang bersahsiah muslim

No.	Penyataan	STS	TS	TP	S	SS	MIN	SP
1.	Kurikulum Pendidikan Islam berkesan dalam membentuk pelajar saling hormat-menghormati kepada guru dan rakan.	0.5% (2)	0.0% (0)	1.2% (5)	44.3% (181)	53.6% (221)	4.52	0.55
2.	Kurikulum Pendidikan Islam berkesan dalam membentuk pelajar yang mematuhi peraturan-peraturan disiplin di Politeknik.	0.2% (1)	1.0% (4)	2.2% (9)	49.1% (201)	47.4% (194)	4.42	0.61
3.	Kurikulum Pendidikan Islam berkesan dalam membentuk pelajar yang sentiasa menghargai jasa.	0.2% (1)	0.5% (2)	2.0% (8)	49.5% (202)	47.8% (195)	4.44	0.62
4.	Kurikulum Pendidikan Islam berkesan dalam membentuk pelajar yang menggunakan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi dengan kawan dan pensyarah.	0.2% (1)	1.0% (4)	2.4% (10)	45.7% (187)	50.6% (207)	4.45	0.62
5.	Kurikulum Pendidikan Islam berkesan dalam membentuk pelajar yang berpewatakan baik dan mulia.	0.2% (1)	0.7% (3)	3.4% (14)	45.7% (187)	49.9% (204)	4.44	0.62
6.	Kurikulum Pendidikan Islam berkesan dalam membentuk pelajar yang mengerjakan solat pada tepat waktunya.	0.5% (2)	3.4% (14)	4.7% (19)	44.1% (180)	47.3% (193)	4.34	0.74
7.	Kurikulum Pendidikan Islam berkesan dalam melahirkan pelajar yang sentiasa melakukan amalan zikir dan doa berterusan.	0.2% (1)	2.9% (12)	6.4% (26)	48.2% (197)	42.3% (173)	4.30	0.74
8.	Kurikulum Pendidikan Islam berkesan dalam membentuk pelajar yang berpakaian menutup aurat.	1.7% (7)	3.4% (14)	4.2% (17)	45.2% (185)	45.5% (186)	4.30	0.84
9.	Kurikulum Pendidikan Islam berkesan dalam membentuk pelajar yang bersikap positif dan proaktif dalam kelas.	0.5% (2)	1.0% (4)	3.2% (13)	51.2% (209)	44.1% (180)	4.37	0.64
10.	Kurikulum Pendidikan Islam berkesan dalam membentuk pelajar yang berkeyakinan dan tidak mudah terpengaruh dengan budaya Barat yang bertentangan dengan Islam.	0.5% (2)	2.0% (8)	4.6% (19)	47.2% (193)	45.7% (187)	4.36	0.71
11.	Kurikulum Pendidikan Islam berkesan dalam membentuk pelajar yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian.	0.5% (2)	1.0% (4)	3.7% (15)	47.7% (195)	47.2% (193)	4.40	0.66
12.	Kurikulum Pendidikan Islam berkesan dalam membentuk pelajar yang tetap pendirian dalam mempertahankan keputusan yang berlandaskan kepada agama.	0.2% (1)	1.0% (4)	2.9% (12)	41.4% (169)	54.4% (222)	4.49	0.63
13.	Kurikulum Pendidikan Islam berkesan dalam membentuk pelajar yang mempunyai semangat juang yang tinggi.	0.2% (1)	1.7% (7)	2.7% (11)	55.3% (225)	40.0% (163)	4.33	0.64
14.	Kurikulum Pendidikan Islam berkesan dalam menjadikan saya berpegang teguh kepada rukun Iman, Islam dan konsep Ihsan	0.2% (1)	0.2% (1)	3.7% (15)	45.5% (185)	50.4% (205)	4.45	0.61
15.	Saya percaya bab-bab dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam berkesan dalam membentuk pelajar yang berperwatakan mulia.	0.2% (1)	0.5% (2)	3.4% (14)	45.1% (183)	50.7% (206)	4.46	0.61
JUMLAH							4.41	0.47

## PERBINCANGAN

Merujuk kepada Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa kurikulum Pendidikan Islam adalah berkait rapat dalam membentuk sahsiah muslim pelajar di politeknik, iaitu dengan nilai minnya adalah 4.51 iaitu berada pada tahap yang sangat baik. Keputusan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Alias (2010) yang berpendapat bahawa subjek Pendidikan Islam di politeknik memberi kesan yang amat baik terhadap akhlak pelajar. Kurikulum ini berkesan kerana ia telah mencakupi bidang yang agak luas seperti bidang akidah, syariat dan juga akhlak. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil pelajar yang tidak bersetuju bahawa kurikulum Pendidikan Islam berkaitan dalam membentuk sahsiah muslim, menjadikan mereka rajin dan sentiasa berusaha mencapai matlamat, mengengang budi ibu bapa dan adik-beradik, tegas dalam mempertahankan hukum dan berfikiran jauh sebelum membuat sesuatu tindakan. Hal ini terjadi bukan kerana kurikulum Pendidikan Islam itu tidak baik, tetapi kerana sikap mereka sendiri seperti tidak menumpukan perhatian ketika pensyarah sedang mengajar di hadapan. Mereka juga bersikap dengan sifat malas dalam membuat sesuatu kerja dan suka bertangguh-tangguh. Selain itu, didapati juga mereka mudah terpengaruh dengan pengaruh negatif dan sentiasa mengikut hawa nafsu dalam membuat sesuatu tindakan (Arief & Wardah 2004; Saedah 2000)

Merujuk kepada Jadual 3 pula, ia menunjukkan bahawa para pelajar politeknik di Pantai Timur Semenanjung mengamalkan sahsiah muslim dengan nilai minnya ialah 4.27, iaitu berada pada tahap yang sangat baik juga. Membentuk sahsiah yang baik adalah merupakan tujuan utama Pendidikan Islam (Abdul Halim 1989). Individu yang bersahsiah mulia pasti dapat memberi faedah yang baik kepada dirinya sendiri, masyarakat, negara dan juga agama (Haron & Sobri 1988). Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan kecil daripada para pelajar yang tidak menghayati sahsiah muslim seperti tidak mengamalkan sifat sabar, mudah marah apabila ditegur oleh pensyarah, tidak bersifat lemah lembut dalam amalan, tidak bersifat rendah diri, tidak menjaga tutur kata, mudah berputus asa, melakukan perkara yang melanggar dengan disiplin Politeknik, pernah bergaduh dan yang terakhir adalah pernah menonton hiburan yang bertentangan dengan agama. Keadaan ini berlaku adalah mungkin kerana pengaruh daripada rakan sebaya. Menurut Sharifah Raudhah (2007), punca masalah salah laku pelajar dalam konteks pembentukan personaliti adalah bertitik tolak kepada peranan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan faktor iklim persekitaran di sekolah termasuklah sikap guru. Zulkifli (2004) juga berpendapat sedemikian. Hal ini kerana, pada usia remaja, mereka mudah terpengaruh dengan kelakuan kawan-kawan dan mengikuti apa yang kawan mereka lakukan seperti meniru gaya percakapan, suka melanggar disiplin Politeknik dan juga bergaduh. Selain itu, puncanya juga adalah kerana kurangnya tapisan media cetak dan elektronik, kurangnya pengawasan

daripada ibu bapa dan juga pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan (Zakaria 2001).

Merujuk kepada Jadual 4, para pelajar mengakui bahawa kurikulum Pendidikan Islam adalah berkesan dalam membentuk sahsiah muslim mereka dengan nilai minnya ialah 4.41, iaitu berada pada tahap yang sangat baik. Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Maliki (1999), Ubaidillah (2002) dan Azhar (2006) yang mengatakan bahawa kurikulum Pendidikan Islam adalah berkesan dalam membentuk akhlak yang baik dan membentuk pelajar yang berdisiplin. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil daripada para pelajar yang tidak bersetuju dengan keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam dalam membentuk sahsiah muslim pelajar, terutamanya yang melibatkan hal-hal yang berkaitan dengan solat, menutup aurat, menjadikan mereka sentiasa mengamalkan zikir dan dapat menjauhi diri mereka daripada pengaruh Barat. Keadaan ini berlaku kerana sikap mereka sendiri yang lebih mengagungkan budaya Barat, sama ada dalam isu pakaian, pergaulan bebas, percakapan dan pelbagai lagi (Siddiq Fadhil 1995). Pada peringkat tumbesaran manusia, peringkat remajalah yang paling mencabar. Hal ini kerana pada usia inilah mereka lebih cenderung kepada sifat ingin tahu dan mencuba sesuatu yang baru serta mudah terpengaruh dengan suasana dan persekitaran yang mereka lalui (Yusmini 2003). Mereka lebih mudah terikut-ikut dengan budaya Barat yang kononya lebih maju dan moden. Selain itu, mereka juga mudah terpengaruh dengan kawan-kawan selain malas untuk menunaikan solat.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Kurikulum Pendidikan Islam di politeknik adalah berkaitan dalam membentuk sahsiah muslim pelajar mereka kerana didapati selepas mereka mempelajarinya, para pelajar dapat mengamalkan sahsiah muslim dalam kehidupan seharian. Mereka juga berpuashati dengan tajuk-tajuk yang terdapat dalam Kurikulum Pendidikan Islam dapat membantu mereka beramal dengan sahsiah muslim. Dapatan kajian ini disokong oleh Alias (2010) yang berpendapat bahawa subjek Pendidikan Islam di politeknik dapat menjadikan pelajar bersahsiah dengan sahsiah muslim. Seterusnya, kajian ini memberikan beberapa implikasi, terutama kepada Jabatan Pengajian Politeknik supaya mengambil langkah yang sesuai dalam proses penggubalan Kurikulum Pendidikan Islam dengan menitik beratkan bab-bab yang berkaitan dengan solat, aurat, pergaulan antara lelaki dengan perempuan, konsep Islam, Iman dan Ihsan serta keburukan budaya barat kepada diri pelajar. Proses penggubalan ini perlu dilakukan supaya kurikulum Pendidikan Islam di politeknik akan lebih berkesan dalam membentuk sahsiah muslim pelajar mereka. Walau bagaimanapun, dapatlah disimpulkan bahawa kurikulum Pendidikan Islam di Politeknik adalah berkesan dalam membentuk sahsiah muslim pelajar kerana bab-bab yang terkandung di

dalamnya agak luas dan merangkumi bidang-bidang akidah, ibadat, syariat dan akhlak. Namun, dapatan kajian ini agak terhad sebenarnya kerana hanya melibatkan beberapa politeknik di Pantai Timur Semenanjung sahaja. Oleh itu, dicadangkan supaya satu kajian lanjutan dijalankan yang melibatkan kesemua politeknik yang terdapat di Malaysia. Selain itu, faktor-faktor luaran juga perlu diambil kira seperti faktor persekitaran, ibu bapa, kawan-kawan dan program yang telah dilaksanakan di politeknik. Hal ini kerana faktor-faktor tersebut banyak menyumbang kepada pembentukan sahsiah muslim pelajar.

## RUJUKAN

- Abdullah Nasih Ulwan. 1981. *Tarbiyyah Aulad Fi Islam, Juzuk Awwal*. Beirut: Darul Salam Li Tiba'ah Wa Nasyri Wa al-Tauzi'.
- Abdul Hadi Awang. 1987. *Fiqh Al-Harakah Dari Sirah Nabawiyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Fajar.
- Abdul Halim Mat Diah. 1989. *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia Wilayah Persekutuan.
- Ab Halim Tamuri & Zarin Ismail. 2005. Nilai akhlak dan pengaruh media massa di kalangan remajaislam luar bandar. *Jurnal Islamiyyat* 27(2).
- Ahmad Umar Hashim. 1997. *Islam Wa Binaa Syakhsiyyah*. Beirut: World of Books.
- Alias Mat Saat. 2010. Penilaian Perlaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Arief Salleh & Wardah Mokhtar. 2004. *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azhar Yusuf. 2006. Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Sek Men Dalam Pembentukan Akhlak Pelajar. Disertasi Ijazah Sarjana Syari'ah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Baqir Syarif Qurashi. 2009. *al-Nizam al-Tarbawi Fi al-Islam Dirasatun Muqaranah*. t.tp: Darul Ta'aruf li al-Matbu'ah.
- Jabir Qamihah. 1996. *Nilai-Nilai Islam Satu Pengenalan*. (Terj.) Mudasir Rosder dan Mohd. Zawawi Abdullah. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Haron Din & Sobri Salamon. 1988. *Masalah Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.
- Jainabee Kassim & Jamil Ahmad. 2009. Kualiti Kepimpinan Pengetua Sekolah-sekolah Menengah Zon Selatan, Malaysia. Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-16 pada 21-24 Julai 2009 di Auditorium Dato' Razali Ismail, Institut Aminuddin Baki, Genting Highland.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2010. *General Studies Courses*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kurikulum Jabatan Pengajian Politeknik.
- Miqdad Yalchin. 1977. *al-Tarbiyyah al-Akhlaqiyyah al-Islamiyyah*. Mesir: Maktabah al-Khanji.
- Mohd. Maliki Ali. 1999. Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM Terhadap Masalah Akhlak dan Disiplin Pelajar: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. Disertasi Ijazah Sarjana Pengurusan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad 'Abdul Qadir Ahmad. 1985. *Turuq Ta'lim al-Tarbiyah al-Islamiyyah*. t.tp: Maktabah al-Nahdhah al-Misriyah.
- Muhammad Salih Samak. 1980. *Fan al-Tadris Li al-Tarbiyyah al-Diniyyah wa Irtibatih al-Nafsiyyah*. (Terj.) Wan Amnah Yaacob, Saedah Suhaimi dan Ahmad Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Amin. 1926. *Tarikh al-Tarbiyah*. Cetakan II, Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Saedah Siraj 2000. *Remaja dan Strategi Penyelesaian Masalah*. Selangor: Alam Pintar Interprise.
- Saleh Abd al-Aziz & Abd al-Aziz Abd al-Majid. 1968. *al-Tarbiyyah Wa Turuqu al-Tadris*. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Sharifah Raudzah Syed Junid. 2007. Faktor yang Mempengaruhi Salah Laku Pelajar dan Hubungan dengan Personaliti Pelajar. Laporan Projek Ijazah Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Siddiq Fadhil. 1995. Pemasalahan Moral: Perspektif Al-Quran. *Jurnal Pengajian Tahfiz Al-Quran 1*.
- Sofiy Rahman Mubarakfuri. 2010. *al-Raheeq al-Makhtum, Bahs Fi al-Sirah al-Nabawiah*. Arab Saudi: Dar al-Wafa' Li al-Tiba'ah wa al-Nasyri wa al-Tauzi' al-Mansurah.
- Ubaidillah Yusoff. 2002. Pengajian Tasawwur Islam dan Kesannya dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar: Satu Kajian di Sek. Men. Agama Yayasan Islam Kelantan. Disertasi Ijazah Sarjanan Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wan Mohd Zahid Mohd. Nordin. 1994. *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Yusuf Qardhawi. 1982. *al-Tarbiyyah al-Islamiyyah Wa Madrasah Hassan al-Banna*. t.tp: Maktabah Wahbah Dar al-Turath al-'Arabi.
- Zakaria Stopa. 2001. *Akidah dan Akhlak dalam Kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Zulkifli Hj. Hasanuddin. 2004. Sahsiah Pelajar Kelas Aliran Agama dan Bukan Aliran Agama di Sek. Men. Seremban, Negeri Sembilan. Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah dan Pembengunan Insan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Lukman Hakimi Ahmad\*  
Kolej Komuniti Temerloh  
By Pass Batu 2  
Kg. Chatin Ulu  
28400 Mentakab  
Pahang Darul Makmur  
Malaysia

\*Pengarang surat-menyurat; email: inah\_kimi@yahoo.com  
Diserahkan : 30 Mei 2013  
Diterima : 7 Mei 2014